



PERGAS Research Commentaries aim to provide an analysis of socio-religious perspectives affecting Islam & Muslims. The views may not necessarily represent the official position of the Islamic Scholars & Religious Teachers Association of Singapore. The views represent the views of the author(s). The commentaries may be re-quoted for referencing with due recognition from the authors or Pergas Research Development (PRD) Department. No reprinting or reproducing of any form of electronic distribution are allowed unless with the permission from Pergas Research Development (PRD) Department. For more please email to info@pergas.org.sg

Isnin, 2 September 2013 (26 Syawal 1434H)

Laporan Suara Musyawarah: Perspektif Dari Sudut Sosio-Keagamaan

Oleh Mohd Jakfar B Hj Embek

Sinopsis

Isu dana pendidikan Islam dalam Masyarakat Melayu/Islam mendapat sorotan terkini pada akhir-akhir ini. Bermula daripada dapatan dalam laporan Suara Musyawarah (terbit 9 Julai 2013), Ucapan Perdana Menteri di Rapat Umum Hari Kebangsaan (18 Ogos 2013) dan Ucapan Menteri Bertanggungjawab bagi Masyarakat Islam, Dr Yaakob Ibrahim di acara makan malam 'Eidul Fitri di Hotel Sheraton (Jumaat, 23 Ogos 2013).

Namun sebenarnya ia merupakan sebahagian kecil sahaja, daripada suara-suara yang terdapat dalam Laporan Suara Musyawarah (Julai, 2013). Rencana ini cuba menanggapi beberapa isu yang terdapat dalam Laporan Suara Musyawarah tersebut melalui perspektif sosio-keagamaan yang menyangkut kepimpinan agama, pembangunan asatizah dan pendidikan Islam.

Pendahuluan

“Suara Musyawarah” atau ringkasnya SM merupakan sebuah platform tidak rasmi bagi mendapat pandangan umum secara bebas dan non-partisan mengenai hal berkaitan keprihatinan masyarakat Melayu/Islam hari ini dan aspirasi mereka bagi kehidupan di Singapura pada masa akan datang.

Ia sebenarnya lahir daripada ucapan sambutan 'Eidulfitri oleh Menteri Bertanggungjawab bagi Masyarakat Islam Singapura pada 31 Ogos 2012.

Ia tidak bermaksud untuk mencakup keprihatinan dan permasalahan sedia ada dalam masyarakat secara menyeluruh, tetapi sekadar fokus pada beberapa isu dan dasar utama yang ada. Ia juga mengambil pendekatan bukan untuk memberi panduan secara terperinci, tetapi secara dasar bagaimana masyarakat dapat diajak bergerak ke hadapan secara bersama. Dalam laporan yang dibentangkan ia menggariskan pada 3 tema utama berkaitan:

- i) Semangat Kekitaan (*Sense of Belonging*).
- ii) Memecah Lingkaran (*Breaking the Cycles*)
- iii) Kesedaran Sosial (*Social Consciousness*)

Di bawah ini adalah beberapa komentar awal penulis tentang laporan yang telah dikeluarkan pada bulan Julai yang lalu.

i) Tema 1 - Semangat Kekitaan

Dalam laporan secara umumnya, masyarakat Melayu/Islam kelihatan sebagai masyarakat yang masih berpegang utuh pada kekayaan nilai tradisi, kefahaman dalam pengamalan beragama. Namun ia kelihatan tidak meninjau sudut tahap manakah pengamalan utuh beragama dan kefahaman identiti budaya tersebut dalam masyarakat kita. Sama ada ia masih pada tahap permukaan – hanya pada amalan ritual dan musiman sahaja, atau sememangnya telah meningkat pada tahap keyakinan iman yang tinggi.

Mengenai perkara tradisi budaya dan bahasa Melayu perlu juga dirasakan bahawa budaya dan bahasa Melayu sebenarnya mempunyai semangat dan nilai Islam yang mencorak jati diri bahasa dan budaya Melayu. Maksudnya keterikatan pada budaya dan bahasa Melayu usah sekadar dinilai sudut permukaan pada seni tari, nyanyian, pakaian dan seni artifak sahaja, tetapi bagaimana pula dengan pengamalan nilai, adab dan budaya ilmu dalam kehidupan masyarakat? Pencerahan ilmu dan iman dalam sastera Melayu setentunya adalah hasil sentuhan dakwah dan kerohanian oleh mubaligh dan ulama silam di alam Melayu.

Seterusnya pada menyorot tentang ajakan untuk masyarakat memahami secara jelas konsep ‘fardu kifayah’, ia memang sesuatu yang harus dipuji. Namun sebenarnya kefahaman jelas pada konsep fardu kifayah untuk membicarakan mengenai amal bakti dalam kerja kemasyarakatan, perlu dilengkapi dengan kefahaman pada pengertian “*maqasid syariah*” yang lebih menyeluruh. Ini kerana kefahaman tentang “*maqasid syariah*” mengajar masyarakat tentang matlamat dan objektif syariat di sebalik pengamalan sesuatu ibadah, di samping kebijaksanaan dalam meletakkan keutamaan (*Fiqh Awlawiyat*) ataupun mungkin pertimbangan dalam meletakkan keseimbangan (*Fiqh Muwazanat*) dalam sesuatu pengamalan dan ibadah.

Maka dengan itu pembelajaran “*maqasid syariah*” perlu menerapkan perkara aplikasi semasa dengan cara yang amat mudah dan mendekatinya melalui kaedah bagaimana menyelesaikan permasalahan dalam kehidupan (*life problem solving skills*).

Perkukuh Budaya dan Asas Moral Masyarakat

Pengukuhan badan-badan Melayu Islam perlu juga dilihat sudut mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan kepimpinan serta kesediaan untuk menerapkan amalan baik dalam pengurusan di setiap peringkat operasi organisasi, selain daripada saranan agar dipertingkatkan usaha yang lebih berstruktur bagi memeta keperluan setiap segmen dalam masyarakat.

Kumpulan-kumpulan sivil yang kecil dan separuh rasmi juga, sebenarnya boleh berperanan sama dalam hal penerapan asas-asas moral dalam masyarakat. Begitu juga para guru Melayu di sekolah-sekolah pemerintah boleh digerak sama untuk menerapkan unsur nilai Melayu teras keislaman dalam pembelajaran mata pelajaran bahasa dan budaya Melayu, di samping jalinan pendampingan secara tidak rasmi dengan para pelajar Islam sama ada pada waktu sekolah atau luar sekolah dengan menonjolkan contoh dan pekerti yang baik sesuai dengan ajaran Islam yang mulia.

Tanggapan Mengenai Peluang Tidak Setara.

Jika meritokrasi menjadi prinsip dasar dalam pemerintah, maka seharusnya beberapa polisi yang masih diamalkan sekarang sewajarnya tidak berlaku lagi, insiden seumpama pegawai Muslim yang tidak dibenarkan memegang posisi tertentu dan dilarang memasuki kawasan-kawasan sensitif, tidak menjadi dasar oleh agensi-agensinya pemerintah. Realitinya bahawa ia masih lagi wujud setelah perkara tersebut pertama kali dibahaskan beberapa kali di parlimen semenjak seawal akhir 70-an, dan kini masih lagi berlaku di agensi pemerintah dan perkhidmatan awam adalah perkara yang sukar diterima rasionalnya pada sekarang ini.

Isu pegawai tentera Muslim yang masih tidak diberi peluang sama dalam tempat dan posisi tertentu, isu graduan pelajar madrasah yang tidak dipanggil untuk kerahan tenaga negara, wanita Muslim yang tidak boleh bertudung dalam industri kesihatan seperti misi atau nurse di hospital pemerintah, sekatan bagi pelajar Islam untuk berpakaian menutup aurat di sekolah-sekolah nasional mahupun polisi untuk tidak membenarkan para kerahan (NS Men) untuk membela janggut masih lagi kekal atas dasar integrasi nasional.

Iltizam bagi pemerintah untuk merubah beberapa polisi dwi standard ini perlu disegerakan, agar keyakinan masyarakat umum dalam ruang-ruang bersama akan terus wujud.

ii) Tema 2 - Memecah Lingkaran

Pada tema membicarakan halangan dan cabaran mobiliti sosial banyak menyentuh tentang cabaran menangani kumpulan berisiko (*vulnerable groups*) kalangan mereka yang berpendapatan rendah, tetapi pada laporan hampir tidak membicarakan isu kumpulan “*sandwich*” dalam masyarakat yang dikategorikan kumpulan gaji pertengahan (*middle income*). Dengan purata kadar inflasi pada tahun

2012 sekitar 4.4 % dan sekitar 5.2% (2011) dan kos sara hidup yang semakin tinggi, setentunya ia akan juga menjerat kemampuan golongan pendapatan menengah di atas untuk keluar sama daripada lingkaran kepayahan.

Peluang sama bagi bantuan biasiswa dan bantuan kewangan pendidikan bagi golongan pekerja dewasa yang walaupun bergaji pertengahan (atas \$2,500) dan ingin sambung pengajian secara separuh masa luar waktu bekerja, juga wajar diberikan peluang untuk mendapatkan bantuan kewangan pendidikan di atas, agar akhirnya ia akan meningkatkan keupayaan mereka untuk lebih produktiviti dalam kerjaya mereka.

Pada perkara sorotan utama yang ke-5, berkaitan dana pendidikan, telah ada suara-suara daripada kelompok asatizah dan awam yang menyuarakan keprihatinan mereka tentang dasar dwi polisi di atas. Alhamdulillah apabila PM Encik Lee Hsien Loong mengumumkan perubahan dasar kepada dasar Edusave ia diterima baik oleh semua pihak. Namun kekhuatiran masih terasa sama ada ia sekadar dasar bicara politik bersifat makro, tetapi tidak semudah sudut implementasi mikro peringkat madrasah untuk mendapatkan geran tersebut.

Ini menunjukkan bahawa isu dasar bukan sesuatu yang bersifat suci, dan proses rundingan dari 'bawah ke atas' adalah sesuatu proses yang panjang dan masih berterusan. Hendaknya gesaan pada perubahan dasar pemerintah tersebut, tidak disalah tanggap bahawa masyarakat Islam semakin bersifat "meminta", kerana isu utama yang dibicarakan disini adalah sudut soal dasar yang bersifat marginalisasi masyarakat minoriti dan kejujuran pada prinsip meritokrasi yang dilaungkan selama ini.

Penulis juga mengharapkan bahawa pemerintah dapat merubah dasar yang mendatangkan dikotomi - bahawa madrasah bukan daripada sistem pendidikan nasional. Ini kerana madrasah telah bertapak di Singapura hatta waktu yang sama ketika Raffles datang ke Singapura lagi. Madrasah pertama di Singapura (Iqbal) telah diasaskan oleh Syed Sheikh Al Hadi bahkan pada tahun 1908, mengukuhkan bahawa madrasah adalah sebahagian daripada warisan sejarah pendidikan nasional di Singapura.

Maka dengan itu, jika sekolah *missionary* gereja dapat diterima sama sebagai bahagian warisan Singapura, tidak ada sebab mengapa madrasah semacam diperkecil layanannya. Hakikatnya madrasah juga telah menyumbang pada meningkatnya kadar kecelikan ilmu (*knowledge literacy*) masyarakat di Singapura hatta jauh sebelum merdeka lagi.

iii) Tema 3 - Kesedaran Sosial

Pada perkara sorotan utama 2, berkaitan kenyataan bahawa organisasi Melayu/Muslim (MMO) mempunyai keterbatasan dari sudut sumber kepakaran profesional dan dana tidak dinafikan adalah

benar, tetapi pada masa yang sama dasar Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS) yang membezakan ‘pertubuhan masyarakat’ dan ‘pertubuhan agama’ perlu juga untuk dilihat kembali kerana pada pelaksanaannya, hampir semua badan Islam yang dikategori sebagai pertubuhan agama juga ada melakukan usaha dan program mendekati dan membangun masyarakat.

Beberapa keistimewaan yang boleh diraih oleh pertubuhan yang dikategorikan badan kebajikan masyarakat, bahkan tidak terdapat peluang yang sama oleh pertubuhan yang dikategorikan sebagai pertubuhan bersifat keagamaan.

Pada rekomendasi 3 - berkaitan suara yang menyatakan mengenai keistimewaan yang dapat dilihat atau *tangible benefit*, jika MMO dapat bergerak secara eko-sistem adalah baik. Tetapi pada masa yang sama Sekretariat Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) perlu memainkan peranannya dengan memudahkan proses mendapatkan geran atau dana bagi mereka. Apa yang sering berlaku adalah apa yang dibicarakan sudut dasar peringkat makro, tidak semudah dengan pelaksanaan mikro peringkat implementasi yang sering menghambat perjalanan.

Meluncur Ke Hadapan

Pada umumnya dapatan daripada Suara Musyawarah berjaya mengetengahkan beberapa isu penting dalam masyarakat kita, walaupun disedari bahawa bukan matlamat laporan pada kali ini untuk memberi jawapan bagaimana menangani isu yang disuarakan.

Perjuangan terhadap dasar yang bersifat diskriminasi perlu untuk terus diperkatakan agar misi Singapura untuk membina masyarakat inklusif dapat tercapai. Apakah mungkin diadakan semacam undang-undang akta anti diskriminasi atau melanggar hak asasi masyarakat minoriti terutama terhadap majikan di sektor pekerjaan?

Mengenai wadah yang sama, kesediaan SM untuk mendapat suara daripada kelompok asatizah merupakan suatu usaha yang harus dipuji, walaupun ia masih boleh dipertingkatkan lagi melalui jumlah bilangan asatizah. . Ini jika dilihat dari sudut nisbah perwakilan, hanya terdapat seorang perwakilan asatizah sahaja yang duduk dalam komiti penggeraknya, dan hanya satu kelompok asatizah sahaja yang terlibat dalam perbincangan focus perbincangan berkumpulan (FGD). Pergas harus berperanan sebagai mudah cara pelaksanaan pol pandangan umum pada masa akan datang.

Selain itu, kelihatan pandangan suara-suara ‘Muslim’ itu masih lagi eksklusif dan terikat dengan suara daripada masyarakat etnik Melayu sahaja. Minda “Muslim = Melayu” kita, hatta 50 tahun setelah merdeka masih tidak menganjak. Islam walaupun agama Tauhid yang satu, namun pengamalan dan cita rasa penganutnya sudah tentu berbeza lihat konteks daerah geografi dan budayanya.

Dengan bertambahnya demografi penduduk luar, maka kumpulan warga *expatriate* Muslim berasal daripada luar seperti Indonesia, Turki, Pakistan, Bangladesh, dan bahkan daripada negara Arab di sini adalah sama pentingnya dalam pengumpulan suara aspirasi mereka. Pluraliti padangan perlu diiringi juga dengan *iltizam politik* untuk mengambil kira aspek pluraliti perbezaan pandangan yang ada.

Namun sesuatu yang perlu dijaga adalah adab dan asas kerukunan antara umat sesama fahaman *Ahlu Sunnah wa al-Jamaah* yang ada di Singapura sejak berzaman. Persoalannya apakah keharmonian antara aliran yang berbeza (*intra faith diversity*) sesama Muslim dapat terus kekal bersikap matang dan berlapang dada dalam era dunia global kini?

Waallahu A'lam.

Mohd Jakfar B Hj Embek adalah Ketua bagi Jabatan Pembangunan Kajian, Pergas. Beliau mempunyai kelulusan peringkat sarjana dalam Kajian Masyarakat Islam daripada Universiti Gloucestershire, UK (2008) dengan penumpuan pada subjek Muslim di Britain, Islam & Kepelbagaian Agama dan Tren-tren Utama dalam Pemikiran Masyarakat Islam.
